



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Undang-Undang Kecil
Pelesenan Tred, Perniagaan dan
Perindustrian
(Pihak Berkuasa Tempatan
Pengerang)
2017 dan
(Pindaan) 2012**


Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / <i>By-Laws</i>
Nombor Sumber Kuasa	UUK 2
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	J. P.U. 55 / 2017, J. P.U. 21 / 2021
Tarikh Warta	12 Oktober 2017, 29 April 2021
Tarikh Berkuat Kuasa	01 Januari 2020, 29 April 2021



UNIT UNDANG-UNDANG
MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1
Taman Dijau Utama, 81030 Bandar Penawar, JOHOR

07-886 2892 | 07-886 2896 | legalunit@mppengerang.gov.my



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 21

12hb Oktober 2017

TAMBAHAN No. 16
PERUNDANGAN

J. P.U. 55.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(PIHK BERKUASA TEMPATAN PENGERANG) 2017

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I PERMULAAN

Undang-Undang Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II PELESENAN

3. Kehendak bagi lesen
4. Permohonan lesen
5. Bentuk lesen
6. Pemberian atau keengganan memberikan lesen
7. Ketidaklayakan
8. Notis pemberhentian
9. Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat
10. Pindahmilik lesen
11. Tempoh sah lesen
12. Pembaharuan lesen
13. Pematuhan syarat lesen
14. Penggantungan dan pembatalan lesen

-
- 15. Tarikh berkuat kuasa pembatalan lesen
 - 16. Kesan pembatalan, notis pemberhentian dan tidak memperbaharui lesen
 - 17. Lesen gantian
 - 18. Daftar lesen

BAHAGIAN III**KEWAJIPAN DAN OBLIGASI PEMEGANG LESEN**

- 19. Mempamerkan lesen
- 20. Kebersihan
- 21. Mengadakan tong sampah
- 22. Sampah pepejal basah
- 23. Pembuangan sampah sarap
- 24. Menumpahkan bahan mengganggu
- 25. Bekalan air
- 26. Tandas pam dan tempat buang air kecil
- 27. Tandas mestilah dilengkapi dengan kertas tisu, bahan pencuci, bekas sampah, dll.
- 28. Lantai tandas hendaklah bersih dan kering
- 29. Pencahayaan dan pengaliran udara
- 30. Kegunaan tandas
- 31. Pencahayaan
- 32. Ganti udara
- 33. Bersesak-sesak tidak dibenarkan
- 34. Peruntukan bilik mes, dsb.
- 35. Pencegahan kebakaran
- 36. Bahan mudah terbakar
- 37. Penyimpanan
- 38. Pembakaran
- 39. Penyenggaraan dan pembaikan am
- 40. Keselamatan pekerja
- 41. Pemeriksaan kesihatan
- 42. Daftar pekerja
- 43. Penyebaran habuk, dsb.
- 44. Kacau ganggu
- 45. Pengibaran bendera
- 46. Waktu menjalankan perniagaan

BAHAGIAN IV**PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN**

- 47. Jaminan
- 48. Kuasa untuk memasuki bagi tujuan pemeriksaan
- 49. Kuasa menutup premis
- 50. Kuasa menyita premis
- 51. Mahkamah hendaklah memerintahkan pelepasan atau pelucuthakkan barang-barang yang disita
- 52. Pendakwaan
- 53. Mengkompaun kesalahan

JADUAL PERTAMA**JADUAL KEDUA****JADUAL KETIGA**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang) 2017**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini termasuklah lesen sementara;

“lesen sementara” ertinya lesen yang dikeluarkan untuk tempoh kurang enam bulan;

“Pihak Berkuasa” ertinya Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang;

“pemegang lesen” ertinya seseorang atau syarikat yang kepadanya dikeluarkan sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini dan termasuk seseorang yang dikeluarkan lesen bagi menjalankan sesuatu ekspo, bazar atau karnival atau seumpama dengannya;

“perniagaan” ertinya apa-apa bentuk tred, perindustrian, perdagangan, pekerjaan tangan, kepandaian, profesyen atau lain-lain aktiviti yang dijalankan bagi maksud keuntungan;

“sampah perdagangan” ertinya hasil buangan sisa-sisa pepejal daripada mana-mana tred, perniagaan dan industri yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tetapi tidak termasuk sisa buangan terjadual di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127];

“tandas” ertinya mana-mana bilik, kepunginan, ruang yang disekat-sekat atau bangunan atau mana-mana tandas bergerak yang mana-mana orang boleh pergi untuk membuang air besar, membuang air kecil atau bersuci; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Pihak Berkuasa Pengerang.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Kehendak bagi lesen

3. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang bagi apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua dan fi leseninya adalah seperti ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Bagi lesen sementara, fi leseninya adalah dua kali ganda daripada fi lesen seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Seseorang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan sesuatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Permohonan lesen

4. (1) Permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua boleh menghendaki mana-mana pemohon untuk permohonan atau pembaharuan lesen supaya hadir sendiri atau bagi sesuatu perbadanan atau firma, seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut supaya hadir semasa lesen dikeluarkan atau dibaharui.

(3) Yang Dipertua boleh mengenakan syarat lesen termasuklah perkara berikut-

- (a) jenis mana-mana aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian yang akan dijalankan oleh pemegang lesen;
- (b) kewajipan dan obligasi pemegang lesen dalam menjalankan mana-mana aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian; dan
- (c) sekatan dalam menjalankan mana-mana aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian oleh pemegang lesen.

(4) Yang Dipertua boleh menentukan, menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat permohonan lesen.

(5) Sesuatu permohonan lesen yang disebutkan di dalam perenggan (1) hendaklah disertakan dengan-

- (a) jika terpakai, salinan kelulusan yang diperakui sah bagi semua kelulusan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa termasuk Sijil Kelayakan Menduduki dan butir-butir syarat, jika ada, yang dilampirkan kepada mana-mana kelulusan itu;
- (b) butir-butir yang berkaitan permohonan lesen tersebut termasuk jenis-jenis perniagaan yang akan dijalankan;

- (c) bukti pemunyaan, penyewaan, pajakan atau sesalinan lesen daripada pemilik berdaftar, penyewa atau pemajak tanah yang di atasnya perniagaan itu dicadangkan untuk dijalankan;
- (d) suatu salinan Perakuan Pendaftaran yang diperakui sah bagi firma, perbadanan, syarikat, persatuan, koperasi atau mana-mana organisasi yang berniat untuk menjalankan perniagaan itu; dan
- (e) apa-apa dokumen lain, pelan sokongan dan maklumat dalam apa-apa jua bentuk atau mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa.

(6) Yang Dipertua boleh, pada bila-bila masa selepas permohonan bagi suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, meminta pemohon secara bertulis, untuk memberikan kepada Pihak Berkuasa dalam tempoh yang ditetapkan dalam permintaan itu, apa-apa dokumen atau maklumat tambahan berhubung dengan permohonan itu.

(7) Bayaran yang dibayar bagi suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 3 tidak boleh dikembalikan walaupun perniagaan ditamatkan sebelum tamat tempoh lesen.

Bentuk lesen

5. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditentukan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa.

Pemberian atau keengganan memberikan lesen

6. (1) Pihak Berkuasa boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, memberikan lesen atau enggan memberikan lesen.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah, seberapa segera yang praktik, memaklumkan pemohon secara bertulis tentang keputusannya untuk memberikan lesen atau enggan memberikan lesen.

(3) Notis bertulis oleh Pihak Berkuasa di bawah perenggan (2) hendaklah menyatakan-

- (a) jika lesen diberikan, hakikat tentang pemberian itu, syarat lesen dan fi yang kena dibayar oleh pemegang lesen; dan
- (b) jika lesen tidak diberikan, hakikat tentang keengganannya itu dan alasan bagi keengganannya itu.

Ketidaklayakan

7. Tiada lesen boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Notis pemberhentian

8. (1) Pemegang lesen hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa secara bertulis sebaik sahaja pemegang lesen itu memberhentikan perniagaannya.
- (2) Lesen hendaklah dibatalkan dan diserah balik kepada Pihak Berkuasa.

Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

9. (1) Pihak Berkuasa boleh, pada bila-bila masa–
- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu; atau
 - (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.
- (2) Sebelum Pihak Berkuasa membuat keputusan di bawah perenggan (1), Pihak Berkuasa hendaklah memberikan–
- (a) suatu notis bertulis mengenai niat Pihak Berkuasa dengan suatu salinan mengenai pengenaan, perubahan atau pembatalan itu; dan
 - (b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu hendaklah tidak kurang daripada 30 hari.
- (3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Pihak Berkuasa, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis dibuat oleh pemegang lesen itu, hendaklah memutuskan sama ada untuk mengenakan syarat tambahan atau mengubah atau membatalkan mana-mana syarat yang sedia ada atau untuk tidak mengambil tindakan lanjut.
- (4) Pihak Berkuasa hendaklah memberi pemegang lesen suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah perenggan (3) secepat yang dapat dilaksanakan dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

Pindahmilik lesen

10. (1) Pemegang lesen tidak boleh memindah milik lesennya kepada mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.
- (2) Pemegang lesen yang memindah milik lesennya kepada mana-mana orang lain tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Yang Dipertua, melakukan satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- (3) Fi untuk dipindahmilik ialah sebanyak lima puluh ringgit.

Tempoh sah lesen

11. (1) Sesuatu lesen yang dikeluarkan berkuat kuasa di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah sah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua tetapi tidak melebihi tiga (3) tahun.

(2) Bagi lesen sementara, tempoh sah lakunya adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen tersebut.

Pembaharuan lesen

12. (1) Pemegang lesen boleh memohon untuk membaharui lesennya tidak lewat daripada tiga puluh hari sebelum tarikh habis tempoh lesen yang sedia ada itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada pembayaran suatu penalti yang amanannya tidak lebih daripada fi lesen yang boleh dikenakan ke atas pemegang lesen, memberarkan permohonan untuk memperbaharui lesen yang dibuat selepas tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), tetapi tiada permohonan bagi membaharui lesen boleh dibenarkan jika permohonan itu dibuat selepas tarikh tamat tempoh lesen itu.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah, apabila dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual, membaharui lesen yang sedia ada melainkan dalam keadaan yang berikut—

- (a) pemegang lesen itu telah tidak mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (b) pemegang lesen itu telah tidak mematuhi mana-mana syarat lesen itu;
- (c) pemegang lesen itu telah mendapatkan lesen itu secara tidak patut atau dengan menyalahi undang-undang;
- (d) pemegang lesen itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (e) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh pemegang lesen itu atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(4) Pihak Berkuasa boleh meminta pemegang lesen untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki bagi pembaharuan lesen dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(5) Walau apa pun perenggan (3), jika maklumat atau dokumen yang diminta di bawah perenggan (4) tidak diberikan oleh pemegang lesen dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan, Pihak Berkuasa boleh enggan membaharui lesen itu.

(6) Jika Pihak Berkuasa enggan membaharui lesen itu, Pihak Berkuasa hendaklah memaklumkan pemegang lesen itu melalui notis bertulis dengan seberapa segera yang praktik mengenai keengganannya untuk memperbaharui lesen itu.

(7) Pemegang lesen itu hendaklah diberi peluang untuk membuat penghujahan bertulis kepada Pihak Berkuasa dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang disebut dalam perenggan (6) tidak kurang daripada empat belas hari.

(8) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis di bawah perenggan (7), Pihak Berkuasa hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen itu memutuskan sama ada membaharui lesen itu atau tidak.

(9) Jika Pihak Berkuasa memutuskan untuk tidak membaharui lesen itu, Pihak Berkuasa hendaklah memberitahu pemegang lesen dengan seberapa segera yang praktik mengenai keputusan itu dan alasan bagi keputusannya.

Pematuhan syarat lesen

13. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat lesen yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat suatu lesen melakukan sesuatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Penggantungan dan pembatalan lesen

14. (1) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan sesuatu lesen jika—

- (a) pemegang lesen tidak mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini;
- (b) pemegang lesen tidak mematuhi mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya;
- (c) pemegang lesen telah sama ada berkaitan dengan permohonan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pihak Berkuasa, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
- (d) pemegang lesen menjalankan aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian yang boleh memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sekelas orang awam;
- (e) pemegang lesen tidak menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan, atau perindustrian yang dilesenkan selama tempoh enam bulan berturut-turut atau telah berhenti menjalankan mana-mana tred, perniagaan, atau perindustrian yang dilesenkan;
- (f) pemegang lesen telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud atau pecah amanah;
- (g) pemegang lesen telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
- (h) pemegang lesen telah disabitkan atas satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum pihak Pihak Berkuasa membuat keputusan di bawah perenggan (1), Pihak Berkuasa hendaklah memberi pemegang lesen itu—

- (a) suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk menggantung atau membatalkan lesen itu; dan

(b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada tiga puluh hari.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Pihak Berkuasa hendaklah, selepas menimbangkan penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen di bawah perenggan (2), sekiranya ada, memutuskan sama ada untuk menggantung lesen itu bagi tempoh tidak melebihi satu bulan atau membatalkan lesen itu.

(4) Pihak Berkuasa hendaklah memberi pemegang lesen notis bertulis mengenai keputusannya di bawah perenggan (3) dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(5) Jika suatu lesen digantung di bawah perenggan (3), Pihak Berkuasa boleh menghendaki pemegang lesen untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu jika didapatinya perlu.

(6) Jika Pihak Berkuasa berpuas hati bahawa pemegang lesen gagal untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (5), atau kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan selepas lesen itu digantung di bawah perenggan (3), maka Pihak Berkuasa hendaklah membatalkan lesen itu.

(7) Pemegang lesen yang lesennya—

(a) digantung atau dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialaminya kerana penggantungan atau pembatalan lesen diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini; dan

(b) tidak berhak kepada apa-apa bayaran balik fi lesen yang dibayar di bawah undang-undang kecil 3 (1) dan (2).

Tarikh berkuat kuasa pembatalan lesen

15. Pembatalan suatu lesen di bawah undang-undang kecil 14 hendaklah berkuat kuasa pada—

(a) suatu hari yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa dalam notis bertulis yang diberikan di bawah undang-undang kecil 14(4); atau

(b) jika tiada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan di bawah undang-undang kecil 14(4), apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang lesen itu.

Kesan pembatalan, notis pemberhentian dan tidak memperbaharui lesen

16. (1) Jika pembatalan suatu lesen di bawah undang-undang kecil 14 atau jika lesen itu tidak dibaharui di bawah undang-undang kecil 12, pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta berhenti menyediakan apa-apa perkhidmatan tred, perniagaan atau perindustrian.

(2) Pemegang lesen boleh membuat permohonan baru jika mana-mana lesen dibatalkan di bawah undang-undang kecil 14.

(3) Walau apa pun perenggan (1), pemegang lesen yang lesennya telah tamat tempoh berhak menjalankan tred, perniagaan atau perindustrian apabila dibuktikan kepada Yang Dipertua bahawa pemegang lesen itu telah memohon pembaharuan lesen di bawah undang-undang kecil 12.

Lesen gantian

17. Jika suatu lesen yang diberikan hilang, cacat atau rosak, Pihak Berkuasa boleh mengeluarkan suatu lesen gantian dengan dikenakan fi sebanyak RM20.00 dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

Daftar lesen

18. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyenggara suatu daftar lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil yang mengandungi–

- (a) nama dan alamat pemegang lesen; dan
- (b) apa-apa butiran yang Pihak Berkuasa fikirkan perlu.

(2) Mana-mana orang boleh, dengan permohonan bertulis kepada Yang Dipertua dan bayaran fi sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua, diberikan salinan atau cabutan daripada suatu catatan dalam daftar itu.

(3) Suatu salinan atau cabutan daripada sesuatu catatan dalam daftar yang diperakui sah oleh Yang Dipertua hendaklah sehingga dibuktikan sebaliknya, diterima dalam keterangan sebagai bukti catatan yang dinyatakan dalam daftar itu.

BAHAGIAN III**KEWAJIPAN DAN OBLIGASI PEMEGANG LESEN****Mempamerkan lesen**

19. Setiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

Kebersihan

20. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyenggara tempat atau premis berlesennya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih.

Mengadakan tong sampah

21. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang mencukupi sebagaimana perlu untuk menyimpan sampah.

Sampah pepejal basah

22. Semua sampah pepejal basah hendaklah diisikan dalam karung plastik atau bekas-bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah.

Pembuangan sampah sarap

23. (1) Semua sampah sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang dengan cara sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua dari masa ke semasa.

(2) Yang Dipertua boleh mengarahkan pemegang lesen untuk mengasingkan, menggunakan semula atau mengitar semula apa-apa sampah atau mengurangkan jumlah sampah perdagangan.

Menumpahkan bahan mengganggu

24. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menyebabkan darah, air masin, cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu, dilongokkan, ditumpahkan atau diserakkan ke dalam longkang atau lain-lain tempat awam atau persendirian.

Bekalan air

25. Di tempat atau premis berlesen itu hendaklah ada bekalan air dari paip yang disambungkan ke sesalur air dari bekalan air awam melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

Tandas pam dan tempat buang air kecil

26. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan menyenggara dalam keadaan baik bilik mandi, tandas, tempat buang air kecil dan besen cuci tangan yang cukup bilangannya hingga memuaskan hati Yang Dipertua.

(2) Bagi perniagaan yang dibuat secara karnival atau ekspo atau seumpamanya, pemegang lesen hendaklah menyediakan tandas bergerak yang secukupnya bagi kegunaan awam.

Tandas mestilah dilengkapi dengan kertas tisu, bahan pencuci, bekas sampah, dll.

27. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap tandas pada setiap masa dilengkapi dengan kertas tandas, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah, alat pengering tangan elektrik, tuala bergulung, tuala bersih atau kertas tisu.

(2) Tiap-tiap tandas hendaklah disediakan dengan pili air dan baldi atau getah penyalur untuk penyucian.

Lantai tandas hendaklah bersih dan kering

28. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa lantai tandas berada dalam keadaan bersih dan kering pada setiap masa.

Pencahayaan dan pengaliran udara

29. Tiap-tiap tandas hendaklah mempunyai pencahayaan dan pengaliran udara yang mencukupi.

Kegunaan tandas

30. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tandas dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu perniagaan.

Pencahayaan

31. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa pencahayaan cukup diadakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan jika pencahayaan asli tidak mencukupi langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengadakan pencahayaan buatan.

Ganti udara

32. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya ganti udara yang cukup di tempat dan premis berlesen itu hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah memastikan tiap-tiap kaedah ganti udara itu dijaga dan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

Bersesak-sesak tidak dibenarkan

33. Pemegang lesen hendaklah memastikan premis berlesen menjadi tidak sesak.

Peruntukan bilik mes, dsb.

34. Yang Dipertua boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerjanya kemudahan-kemudahan yang sesuai dan yang secukupnya seperti bilik mesyuarat, bilik solat bagi pekerja-pekerja Islam, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan almari atau gerobok dan memperbaikinya jika Yang Dipertua berpendapat kemudahan-kemudahan yang ada itu tidak mencukupi atau tidak sempurna.

Pencegahan kebakaran

35. Pemegang lesen hendaklah—

- (a) menyediakan kelengkapan pencegahan kebakaran di premis;
- (b) memastikan kelengkapan pencegahan kebakaran di premis berfungsi dengan baik;
- (c) memastikan semua tangga, laluan pelantar dan jalan keluar disediakan, disenggarakan dan berfungsi dengan baik; dan
- (d) memastikan tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar di premis bebas daripada apa-apa halangan dan dapat diakses dengan mudah.

Bahan mudah terbakar

36. (1) Pihak Berkuasa boleh menghendaki pemegang lesen untuk menyimpan apa-apa bahan atau larutan terbakar di dalam bekas bersesuaian yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Jika pelarut atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 23°C disimpan dalam kuantiti yang melebihi 45 liter, stor yang tidak terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Yang Dipertua dan Pihak Berkuasa yang berkaitan.

Penyimpanan

37. Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan-bahan berbahaya dan mengganggu daripadanya.

Pembakaran

38. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan kebakaran bahan-bahan pembakar atau sampah atau buangan lain melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Penyenggaraan dan pemberian am

39. Pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) tiap-tiap bahagian premis dan mana-mana peralatan elektrik yang digunakan di dalam premis itu diselenggara pada setiap masa dan berfungsi dengan baik; dan
- (b) halaman, bahagian hadapan dan ruang terbuka yang menjadi sebahagian daripada premis itu bersih dan bebas daripada kekotoran atau sampah sarap lain.

Keselamatan pekerja

40. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat di premis kepada pekerjanya mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan lantai dan tangga di premis—

- (a) rata, dalam keadaan baik, tidak licin dan tidak berbahaya; dan
- (b) bebas daripada apa-apa lubang pemasangan penutup, saliran air atau konduit yang tidak sempurna dan bebas daripada paku yang menonjol, injap atau paip terkeluar atau apa-apa halangan lain.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyediakan kotak perubatan kecemasan yang mencukupi di premis dan hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan peralatan, pakaian atau apa-apa barang milik pekerja disimpan di dalam almari berkunci atau di ruangan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan premis tidak sesak sehingga boleh menyebabkan kecederaan atau berbahaya kepada kesihatan pekerjanya.

Pemeriksaan kesihatan

41. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan pekerjanya menjalani pemeriksaan kesihatan sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai perubatan sekali setahun.

(2) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini—

(a) pemeriksaan kesihatan termasuklah pemeriksaan berkenaan dengan penyakit berjangkit atau merebak; dan

(b) “Pegawai perubatan” ertiannya seorang pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

Daftar pekerja

42. Pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, menyimpan dan menyenggara suatu daftar pekerjanya yang mengandungi nama penuh, nombor kad pengenalan atau nombor passport, kerakyatan, alamat tempat tinggal, nombor telefon, kelayakan, gambar dan apa-apa butiran lain yang berkaitan pekerjanya, dan hendaklah, apabila diminta oleh Pihak Berkuasa, mengemukakan daftar itu untuk pemeriksaan.

Penyebaran habuk, dsb.

43. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, wap asap, wap, gas, haba, pancaran, bau, hiduan, getaran, asap atau jelaga daripada tempat atau premis berlesennya yang pada pendapat Yang Dipertua adalah suatu kacau ganggu atau yang mencemarkan udara.

Kacau ganggu

44. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa yang menjadi kacau ganggu kepada orang awam semasa menjalankan tred, perniagaan dan perindustrian.

Pengibaran bendera

45. (1) Yang Dipertua boleh mengarahkan mana-mana pemunya atau penduduk premis perniagaan yang dilesenkan atau tidak dilesen di bawah Undang-Undang Kecil ini menghendaknya supaya mengibarkan bendera Malaysia atau Negeri Johor atau kedua-duanya di premisnya dengan cara dan kaedah yang ditetapkan bagi satu tempoh tertentu bagi menyambut Hari Kemerdekaan atau mana-mana hari yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perenggan (1) di atas adalah melakukan satu kesalahan.

Waktu menjalankan perniagaan

46. Yang Dipertua boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian tidak boleh dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Yang Dipertua dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.

BAHAGIAN IV
PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN

Jaminan

47. (1) Yang Dipertua boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen, meminta pemohon memberi jaminan, sama ada dengan membayar deposit tunai atau dengan cara mengikat bon dengan atau tanpa penjamin-penjamin, untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat-syarat lesen ini dipatuhi dengan sepatusnya.

(2) Deposit atau bon itu bolehlah berupa atau dalam apa-apa jumlah wang yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Tanpa menyentuh undang-undang kecil 14, apa-apa jumlah wang yang didepositkan atau bon yang diikat di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dirampas keseluruhannya atau sebahagiannya oleh Yang Dipertua kerana melanggar Undang-Undang Kecil ini atau melanggar syarat-syarat lesen atau di atas pembatalan lesen itu.

Kuasa untuk memasuki bagi tujuan pemeriksaan

48. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh-

- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan; dan
- (b) meminta daripada pemegang lesen apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki.

Kuasa menutup premis

49. (1) Yang Dipertua boleh secara bertulis memerintahkan penutupan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, mana-mana premis atau industri berlesen yang membuat, menyediakan atau menjual makanan atau minuman di mana Yang Dipertua berpendapat bahawa premis atau industri itu kotor hingga mungkin mendatangkan bahaya kepada kesihatan.

(2) Yang Dipertua boleh secara bertulis memerintahkan penutupan serta-merta premis yang beroperasi tanpa lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini sehingga lesen dikeluarkan atau diperbaharui; atau mana-mana tred, perniagaan atau perindustrian yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen atau mana-mana peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] atau mana-mana Undang-Undang Kecil yang dibuat di bawahnya.

(3) Tiada premis boleh beroperasi semula sebelum tamat tempoh penutupan yang ditetapkan kecuali mendapat kebenaran Yang Dipertua.

(4) Pemegang lesen, tuan punya, penduduk premis atau mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah seperti yang dinyatakan di perenggan (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya dan dalam suatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kuasa menyita premis

50. (1) Apa-apa barang, benda, alatan atau dokumen yang berkaitan dengan bukti kesalahan kepunyaan penghuni premis atau mana-mana orang boleh disita oleh mana-mana pegawai Pihak Berkuasa yang diberi kuasa di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Apa-apa kos menyita ditanggung oleh pemilik barang.

(3) Senarai barang-barang yang disita hendaklah disediakan oleh pegawai yang mengetuai operasi penyitaan itu dan hendaklah ditandatangani olehnya.

(4) Semasa penyitaan dijalankan hendaklah dibenarkan penghuni premis itu hadir dan apabila diminta olehnya hendaklah diserahkan kepadanya satu salinan daftar senarai barang yang disita itu dan ditandatangani olehnya.

(5) Sekiranya pelupusan dibuat dengan cara jualan, maka hasil jualan hendaklah dijadikan sebagai hasil Pihak Berkuasa.

(6) Apa-apa barang yang tak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) Undang-Undang Kecil ini boleh dilupuskan pada bila-bila masa mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(7) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa barang yang telah disita di bawah perenggan (1), barang-barang itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar daripada tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tarikh tersebut mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(8) Jika mana-mana orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya barang yang disita di bawah perenggan (1), maka barang yang disita itu tidaklah boleh dilucuthakkan, dan pemunya boleh, sama ada dengan sendiri atau melalui ejen yang diberi kuasa secara bertulis olehnya, menuntut barang-barang yang disita itu dengan memberikan notis kepada Yang Dipertua.

(9) Yang Dipertua, apabila menerima notis di bawah perenggan (8), boleh mengarahkan supaya barang-barang itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujukkan kepada Majistret.

(10) Majistret hendaklah mengeluarkan saman menghendaki orang yang menuntut bahawa barang yang disita itu adalah miliknya, hendaklah hadir di hadapannya dan apabila pemilik barang yang disita itu hadir atau ingkar hadir, setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu dan apabila terbukti sesuatu kesalahan telah dilakukan terhadap Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan bahawa barang itu adalah hal perkara atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, hendaklah mengarahkan supaya barang itu dilucuthakkan atau jika tiada bukti sedemikian, hendaklah mengarahkan supaya ia dilepaskan.

Mahkamah hendaklah memerintahkan pelepasan atau pelucuthakkan barang-barang yang disita

51. (1) Suatu perintah bagi pelucuthakkan atau pelepasan apa-apa barang yang disita hendaklah dibuat oleh Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah diadakan tetapi Mahkamah itu hendaklah memerintahkan pelucuthakkan jika dibuktikan sehingga berpuas hati bahawa suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan barang-barang itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Semua barang yang dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada Yang Dipertua dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Yang Dipertua.

Pendakwaan

52. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

53. (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang dengan munasabah disyaki telah melakukan suatu kesalahan mengkompaun kesalahan itu setelah bayaran dibuat kepada Pihak Berkuasa suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan tersebut dalam suatu masa yang boleh dinyatakan dalam tawaran.

(2) Suatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum pendakwaan baginya dimulakan dan di mana amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam masa lanjutan seperti yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa boleh membenarkan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Di mana suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1)–

- (a) tiada pendakwaan boleh kemudiannya dimulakan berkenaan dengan kesalahan sedemikian terhadap orang yang tawaran mengkompaun telah dibuat;
- (b) apa-apa buku, rekod, perkakas, pelengkap, instrumen, material, artikel atau apa-apa benda yang telah disita berhubung dengan kesalahan tersebut, boleh dirampas, dihapuskan atau dikembalikan kepada orang itu, sepetimana yang Pihak Berkuasa menganggap patut selepas membuat pertimbangan mengenai sifat kesalahan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sedemikian yang boleh dinyatakan.

JADUAL PERTAMA
FI LESEN
[Undang-Undang Kecil 3(1)]

Bil.	Kategori Lesen	Keluasan Premis	Kadar Bayaran RM	Tambahan Keluasan	Kadar Bayaran RM
1.	Lesen Khas Industri termasuklah Industri Berat/Sederhana/Ringan	5 ekar 1400 kaki persegi	500.00 300.00	1 ekar 1 kaki persegi	0.50 0.15
2.	Lesen Premis	1400 kaki persegi	150.00	1 kaki persegi	0.15
3.	Lesen Aktiviti/Kemahiran	1400 kaki persegi	200.00	1 kaki persegi	0.15
4.	Lesen Kewangan	1400 kaki persegi	200.00	1 kaki persegi	0.15

JADUAL KEDUA
FI LESEN SEMENTARA
[Undang-Undang Kecil 3(2)]

Bil.	Kategori Lesen	Keluasan Premis	Kadar Bayaran RM	Tambahan Keluasan	Kadar Bayaran RM
1.	Lesen Khas Industri termasuklah Industri berat/Sederhana/Ringan	5 ekar 1400 kaki persegi	1,000.00 600.00	1 ekar 1 kaki persegi	1.00 0.30
2.	Lesen Premis	1400 kaki persegi	300.00	1 kaki persegi	0.30
3.	Lesen Aktiviti/Kemahiran	1400 kaki persegi	400.00	1 kaki persegi	0.30
4.	Lesen Kewangan	1400 kaki persegi	400.00	1 kaki persegi	0.30

JADUAL KETIGA
SENARAI LESEN MENGIKUT PECAHAN JENIS PERNIAGAAN
[Undang-Undang Kecil 3]

<i>Bil.</i>	<i>Kategori Lesen</i>	<i>Jenis Perniagaan</i>
1.	Lesen Khas	<i>Tred</i>
		1. Perdagangan Tukang Besi 2. Perdagangan Tukang Timah 3. Membaiki, Mengelat dan Servis Kenderaan
		<i>Stesyen Minyak</i>
		4. Stesyen Minyak 5. Stesyen Minyak dan Servis
		<i>Pertanian dan Peralatan Pertanian</i>
		6. Menjual Pokok Bunga dalam Pasu 7. Nurseri/Landskap/Tapak Semaian
		<i>Menjual Logam, Bahan Binaan dan Bahan-Bahan lain atau Perkakas</i>
		8. Menjual Bahan-Bahan Pembinaan 9. Menjual Kontena 10. Menjual Barang Lusuh (Besi Buruk)
		<i>Membaiki/Servis Peralatan dan Tukang</i>
		11. Membaiki/Servis Barang Elektrik dan Eletronik 12. Membaiki/Servis Peti Sejuk, Hawa Dingin dan Mesin Basuh 13. Membaiki Mesin Cetak, Mesin Jahit dan Pelbagai Mesin 14. Membaiki Perabot 15. Memotong Kaca dan Membuat Bingkai Gambar 16. Membuat Bingkai Pintu/Tingkap 17. Tukang Kunci (Membuat/Menjual) 18. Tukang Besi 19. Tukang Timah 20. Awning 21. Membuat Papan Iklan/Tanda (Sepanduk)
		<i>Menjual Kenderaan, Alatganti dan Aksesori</i>
		22. Menjual Kereta Baru dan Terpakai 23. Ruang Pameran Kenderaan untuk Kenderaan Berat dan Ringan (Showroom) 24. Menjual Jentera Berat (Termasuk Forklift) 25. Menjual Jentera Ringan 26. Menjual Bot 27. Kenderaan yang diletakkan untuk maksud Sewa

<i>Bil.</i>	<i>Kategori Lesen</i>	<i>Jenis Perniagaan</i>
<i>Bengkel dan Servis Kenderaan</i>		
28.	Bengkel Kenderaan	
29.	Mengetuk dan Mengecat Kenderaan	
30.	Servis/Membaiki Kenderaan	
31.	Menyesuai, Mengimbang dan Menajar Kenderaan (Termasuk Servis Tayar)	
32.	Menjual/Pasang/Servis Hawa Dingin Kenderaan	
33.	Mencuci Kenderaan @ Vakum Kenderaan	
34.	Membaiki Bot/Kapal	
<i>Perusahaan Memproses Makanan dan Minuman</i>		
35.	Membuat Kek, Roti, Biskut dan Kuih	
36.	Membuat Aiskrim	
37.	Perusahaan Air Batu	
38.	Perusahaan Makanan	
39.	Perusahaan Minuman	
40.	Perusahaan Taugeh, Tauhu, Mee, Fishball	
41.	Perusahaan Membuat Perencah seperti Cili Boh, Sos Cili dan Sos Tomato	
42.	Memproses Makanan dari Daging (Tidak Halal)	
43.	Perusahaan Memproses Minyak Masak	
<i>Mengering dan Mengisar Makanan</i>		
44.	Mengering dan Memasinkan Hasilan Laut	
45.	Mengisar Bahan Makanan (Rempah Ratus dan Tepung)	
46.	Mengisar Biji Kopi/Koko	
<i>Perusahaan Mengetin/Membotol dan Membungkus Makanan/Minuman</i>		
47.	Perusahaan Mengetin/Membotol Minyak Kelapa Sawit	
48.	Perusahaan Mengetin/Membotol Minyak Masak yang telah diproses	
49.	Perusahaan Membungkus Beras	
50.	Perusahaan Membungkus Tepung	
51.	Perusahaan Mengetin atau Membotol Makanan/Minuman yang telah diproses	
52.	Membungkus Produk Makanan/Minuman yang telah diproses	
<i>Perusahaan Pakaian</i>		
53.	Kilang Tekstil	
